

MORATORIUM PEMBALAKAN

Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor (MMK) Bil. 471/2020 di mesyuaratnya pada 1 April 2020 telah membuat keputusan:

- i. Majlis bersetuju untuk membatalkan keseluruhan baki kawasan yang telah diluluskan oleh Lembaga Tawaran Membalak (LTM) sebelum keputusan pembekuan tersebut iaitu seluas 3,966.60 hektar (9,801.49 ekar);
- ii. Majlis seterusnya bersetuju untuk Pihak Berkuasa Negeri memulangkan bayaran-bayaran yang telah dijelaskan oleh pihak pengusaha pembalakan yang terlibat dengan pembatalan;
- iii. Majlis selanjutnya bersetuju untuk pihak Jabatan Perhutanan Negeri Johor meneruskan aktiviti-aktiviti pembalakan bagi 11 lesen membalak yang masih berkuat kuasa melibatkan kawasan seluas 546.92 hektar (1,351.44 ekar);
- iv. Majlis bersetuju untuk kerajaan Negeri Johor mengekalkan pembekuan sepenuhnya kelulusan ke atas kawasan membalak dalam Hutan Simpanan Kekal; dan
- v. Majlis juga bersetuju untuk pihak Jabatan Perhutanan Negeri Johor memaklumkan secara rasmi kepada pihak pengusaha pembalakan yang terlibat dengan pembatalan.

Keputusan Kerajaan Negeri Johor memperkenalkan moratorium pembalakan tersebut adalah satu ketetapan penting dan berani untuk pemuliharaan hutan. Moratorium atau pembekuan aktiviti pembalakan di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) menunjukkan satu anjakan paradigma yang jelas, di mana pemuliharaan diberi keutamaan yang lebih tinggi berbanding hasil ekonomi jangka pendek.

Sebagai tindakan berstrategik, moratorium tersebut memberi ruang dan masa untuk hutan "berehat" dan pulih, serta membolehkan JP NJ memberi tumpuan penuh kepada aktiviti silvikultur, penyelidikan, dan pengukuhan program pemuliharaan.